

Headline	UUM lahir usahawan rekreasi		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 Aug 2014	Language	Malay
Circulation	825,000	Readership	2,475,000
Section	Arena	Color	Full Color
Page No	64	ArticleSize	382 cm ²
AdValue	RM 14,813	PR Value	RM 44,440



UUM lahir usahawan rekreasi

■ Beri peluang mahasiswa ceburi bidang perniagaan

Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) Universiti Utara Malaysia (UUM) bakal melahirkan Usahawan Rekreasi melalui Pusat Ekuin di kampus berkenaan.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof Madya Dr Abdul Malek Abdul Karim berkata, melalui penyerahan Pusat Ekuin yang sebelum

ini dikendalikan Pusat Sukan universiti itu kepada HEP UUM, memberi ruang kepada mahasiswa kampus ini

untuk menceburi diri dalam bidang keusahawanan rekreasi.

Katanya mereka akan dilatih untuk mengendalikan latihan berkuda, merancang dan menjalankan program di bawah pusat ekuin termasuk menyediakan kereta berkuda yang akan membawa pelancong mengelilingi kampus dalam taman ini.


“Saya yakin mereka akan mengambil peluang ini untuk memasarkan kursus ini bukan saja di kalangan ma-

hasiswa dalam kampus malah akan mengajak masyarakat setempat terutama pe-

lajar sekolah di negeri ini untuk menggunakan kemudahan disediakan Pusat Ekuin HEP UUM,” katanya ketika ditemui di majlis penyerahan Pusat

Majlis Penyerahan Pusat Ekuin ini menyaksikan Pen-

garah Pusat Sukan Shafferi Rejab dan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar Dr Ahmadasri Alaudin menandatangani dan menukar dokumen. Turut hadir, Prof Madya Dr Abdul Malek dan Baharudin Yaacob yang mewakili Pendaftar UUM.



Headline	UUM lahir usahawan rekreasi		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 Aug 2014	Language	Malay
Circulation	825,000	Readership	2,475,000
Section	Arena	Color	Full Color
Page No	64	ArticleSize	382 cm ²
AdValue	RM 14,813	PR Value	RM 44,440

